

Program Motivasi Siri 4 YWP

PLATFORM BINA JATI DIRI

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) terus komited dalam melaksanakan pelbagai program kebajikan dan pendidikan untuk seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang memerlukan.

Menurut Timbalan Pengerusi Ahli Pemegang Amanah YWP, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, pelbagai program pendidikan telah dilaksanakan dan antaranya adalah Kem Motivasi Siri 4 YWP bertempat di Dusun Akin Resort dan Nur Lembah Pangsun, Ulu Langat yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah terpilih di sekitar Kuala Lumpur.

“Kami percaya bahawa pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal adalah salah satu teras utama dalam pembinaan sebuah masyarakat MADANI yang adil dan saksama.

“Maka, program seumpama ini dilaksanakan bagi membentuk generasi pelapis yang bijak, berdaya tahan serta mempunyai nilai-nilai kepimpinan, walaupun sejak dari kecil,” katanya ketika berucap pada Majlis Penutup Program Motivasi Siri 4 YWP baru-baru ini.

Mahadi berkata kem motivasi ini juga adalah sebagai satu platform untuk membina jati diri dan nilai-

nilai kepimpinan dalam kalangan anak-anak.

“Antara aktiviti yang diadakan seperti Ice Breaking, One Happy Family, Solo Drop, Asas Perkhemahan, Sembelihan, Survival Cooking, Campfire, Malam Kebudayaan, Tazkirah Ringkas dan Solat Berjemaah lima kali sehari.

“Melalui aktiviti ini juga para peserta dapat berkenalan dengan kawan-kawan baru, merapatkan hubungan dan semangat kerjasama dengan rakan-rakan sedia ada serta belajar perkara-perkara baru.

“Mereka juga dapat belajar cara menjadi anak yang soleh, taat kepada ibu bapa serta guru dan menjadi insan yang lebih baik untuk masyarakat. Juga, dapat solat lima waktu dengan kawan-kawan dan akhirnya membesar menjadi pemimpin negara pada satu hari nanti, insya-Allah,” ujar beliau yang juga merupakan bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang sentiasa bersama pihak YWP dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup warga Kuala Lumpur.

“Kita harus terus dilihat menyokong usaha membangunkan



MAHADI bergambar kenangan bersama para peserta kem motivasi yang diadakan baru-baru ini.

anak-anak, pelajar secara dinamik dan progresif.

“Ia selaras dengan aspirasi negara untuk melahirkan insan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga berakhlak mulia dan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat

walaupun bermula pada umur yang muda,” katanya.

Terdahulu, Program Motivasi Siri 4 YWP telah diadakan selama tiga hari dua malam bertempat di Nur Lembah Pangsun Eco Resort, Hulu Langat.

Hadir sama Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Pembangunan

Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Ahmad Ibnu Sina Termizi; Pengurus Kanan Jabatan Pembangunan Komuniti, Komunikasi Strategik & IT YWP, Datin Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir dan Pengarah Urusan Syarikat Falcon Kingdom Academic, Mohd Hafiz Mohd Noor. 